

Pemacu negara cemerlang

BH - 20/11/2023 ml: 4

Enam rukun
Madani dapat
tingkatkan
ekonomi, perkasa
aktiviti rakyat

Putrajaya: Konsep 'Membangun Malaysia Madani' yang akan menjadi wawasan negara, mampu menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan cemerlang.

Pengerusi Eksekutif Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman, berkata apa yang digariskan sebagai rukun Madani, lahir daripada hasrat dan perjuangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sejak dahulu lagi.

Beliau berkata, terdapat enam aspek konsep Madani iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

"Konsep Madani yang diilhamkan oleh Anwar bukan datang secara tiba-tiba, sebaliknya berdasarkan pengalaman panjang beliau menjadi pemimpin dari peringkat universiti sehingga bergelar pemimpin nombor satu negara ketika ini.

"Tumpuan (diberikan) kepada aspek daya cipta yang dikait dengan 'islah' dan aspek hormat bagi mengangkat martabat insan.

"Daya cipta bukan sekadar perubahan dangkal, ia harus diberi



Sebahagian tetamu pada Majlis Pelancaran Program Wacana Membangun Malaysia Madani di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

kan satu nilai tambah yang signifikan kepada sesebuah sistem dalam mewujudkan proses perubahan yang berterusan yang mendakap dan memperkasa kreativiti rakyat," katanya sebagai panel Wacana Membangun Negara Madani: Daya Cipta dan Hormat, di sini, semalam.

Mampu bawa kejayaan

Selain beliau, panel jemputan lain adalah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Presiden Kolej Dar al-Hikmah, Prof Datuk Dr Muhammad Nur Manuty dan Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Haslinda Abdullah.

Mohammad Redzuan berkata, beliau yakin Malaysia Madani

mampu membawa kejayaan kepada negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Rukun dalam konsep Madani yang digariskan sebahagian hasrat Perdana Menteri, usaha untuk mempertingkatkan ekonomi, pelbagai bentuk reformasi dilakukan dan Anwar antara yang terawal memperkenalkan pinjaman tanpa faedah melalui Koperasi Belia Islam pada 1997.

"Apabila sebut pembangunan ekonomi yang memberi keadilan kepada semua, idea diperkenalkan ini bukan sekadar terfikir dan dilaksana, sebaliknya ia adalah penyelesaian hasil daripada pengalaman beliau," katanya.

Sementara itu, Prof Haslinda yang mengupas aspek 'Keyakinan' dan 'Ihsan' berkata, dalam

konteks membentuk kepercayaan, rakyat menuntut dasar yang adil dan dimanifestasi secara jelas, dengan sistem yang bersifat holistik serta dirasai.

"Dalam konteks membentuk kepercayaan ini, kita menuntut sistem dasar yang adil dan dimanifestasi secara jelas dan tidak boleh retorik. Maknanya, sistem itu harus holistik sifatnya, harus dirasai dan dijiwai.

"Kalau cakap pasal kesejahteraan, maknanya ia boleh dirasai, bukan hanya disebut atau dipamerkan.

"Bagi bina keyakinan kepada masyarakat, kepemimpinan dalam kerajaan yang ada perlu sentiasa turun padang untuk merasa nadi masyarakat bagi menjelaskan konsep itu," katanya.